

Optimum hasil wakaf: TPM

Prosedur dan pengurusan harta, tanah perlu dibuat secara profesional

Laporan Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Usaha memaksimumkan pulangan harta wakaf perlu dibuat secara berterusan dan seiring keperluan ekonomi semasa bagi memastikan ia memberi pulangan terbaik kepada masyarakat Islam, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) komited memberi bantuan yang perlu kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji untuk menyelenggara harta dan projek pembangunan dalam mengoptimumkan hasil wakaf.

"Ini akan menjadi pemangkin amat besar kepada peningkatan ekonomi umat Islam," katanya ketika menutup Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di sini semalam.

Najib turut melancarkan *Manual Pengurusan Tanah Wakaf* yang antara lain membantu Majlis Agama Islam Negeri mendaftar dan mengurus tanah wakaf selain menyeragamkan prosedur pendaftaran dan pengurusan tanah berkenaan di seluruh negara. Turut hadir, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin.

Timbalan Perdana Menteri mencadangkan institusi wakaf mewujudkan dana sendiri yang diuruskan secara profesional bagi memajukan harta wakaf.

Katanya, pengwujudan dana ini bukan saja dapat membantu meringankan beban kewangan kerajaan tetapi dapat menyediakan peruntukan yang perlu untuk membina masjid, pusat pendidikan, rumah anak yatim dan warga emas, serta pusat perlindungan.

Najib memberi contoh Universiti Al-Azhar di Mesir yang berusia lebih 1,000 tahun terbina daripada hasil wakaf.

Pada masa sama, beliau menggesa ilmuwan Islam, tokoh agama dan penyelidik mengemukakan lebih banyak alternatif dan cadangan dalam memperkasakan institusi wakaf.

"Kita tidak boleh berada di takuk pemikiran dan kaedah lama ketika mahu bersaing memajukan ekonomi ummah. Islam agama yang dinamik dan sesuai pada setiap batas masa dan zaman." katanya.

*"Institusi wakaf
perlu mewujudkan
dana sendiri yang
diuruskan secara
profesional bagi
memajukan
harta wakaf"*

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri